

JANGAN PERKECILKAN BUNGA SILAT

*kerana dalam bunga tersebut terkandung
buah pukulan yang tersembunyi didalam rahsia*

Assalamualaikum bapak ucapkan kepada pembaca majalah PENDEKAR sekalian. Seperti yang bapak telah janjikan, bapak akan meneruskan penerangan mengenai empat tajuk yang dibawah :-

Artikel 1) Rahsia Sebenar Ilmu Persilatan

Artikel 2) Menguasai Jiwa/ Psikologi Musuh (Psycho-Control)


Artikel 3) Keindahan dan Keberkesanan Bunga-Bunga Silat - Keindahannya dan bagaimana keberkesanannya didalam pertempuran.

Artikel 4) Isi-isi yang terkandung didalam gerak Silat, ada yang disedari dan ada yang tidak disedari.

Kita sudahpun menyentuh tajuk-tajuk yang pertama dan yang kedua dan kali ini kita akan membincangkan mengenai Keindahan dan Keberkesanan Bunga-Bunga Silat - Macamana keindahannya dan bagaimana keberkesanannya didalam per tempuran. Apabila kita mendengar kalimat bunga-bunga Silat sering terbayang didalam imajinasi orang kebanyakan satu tarian yang lemah gemalai yang dimainkan atau dipertonjolkan pada majlis-majlis perayaan oleh orang-orang Silat seperti majlis perkahwinan, majlis meraikan orang-orang kenamaan dan sebagainya.

Bunga-bunga Silat juga dikaitkan dengan permainan seni seperti Silat Pulut dan sebagainya.

Perbincangan bapak buat kali ini akan merangkumi kedua-duanya iaitu bunga Silat dan juga Silat Seni kerana ianya memang saling kait mengait tidak dapat dipisahkan diantara kedua-duanya. Biasanya orang-orang yang tidak mengetahui akan bertanya apakah gunanya bunga-bunga itu didalam situasi pertempuran yang sebenarnya. Kebanyakan orang merasakan mustahil permainan seni yang sering dipertontonkan dimajlis perkahwinan dapat digunakan dengan berkesan didalam situasi pertempuran.



Ini kadang-kadang melahirkan kalimat-kalimat yang tidak sedap didengar oleh orang-orang yang bukan dari aliran silat ataupun mereka yang masih cetek pengetahuannya mengenai ilmu Silat yang sebenarnya sehingga ada yang sanggup bahawa permainan seperti ini tidak perlu.

Bagaimana ini boleh berlaku? Untuk menjawab pertanyaan ini kita mesti melihat kembali apakah tujuan permainan seni ini.

Sebagai contoh, jika saudara melihat jurus-jurus asas SAPIK KALO yang 20, saudara akan mendapat gambaran bahawa SILAT SAPIK KALO ini adalah satu sistem Silat yang agresif, cepat dan tidak membuang masa dikala pertempuran. Saudara akan memikirkan tidak ada langsung elemen kesenian didalam jurus-jurus ini hanya elemen pertempuran yang keras, cepat dan tangkas.

Bapak tidak menyalahkan sesiapa jika ada yang berfikir begitu kerana dikala bapak merumuskan jurus-jurus tersebut kebanyakan anak-anak murid bapak adalah pelajar-pelajar muda dan bapak sengaja menyesuaikan sistem pembelajaran ini dengan selera mereka.

Andainya bapak mengajar sistem tradisional seperti yang bapak lalui ketika mempelajari Silat dahulu, bapak rasa jumlah anak murid bapak di ketika itu tidak akan ramai. Sistem pembelajaran ini ternyata berkesan didalam masa yang singkat sehingga ramai orang yang bukan Melayu pun meminta bapak mengajar sistem SILAT SAPIK KALO setelah mereka melihat keberkesanannya didalam dan diluar gelanggang. Walaubagaimana pun ramai yang tidak menyedari bahawa pergerakan asas ini lahir dari Permainan Seni Lembut yang telah dikeraskan.

Dengan erti kata lain aliran SAPIK KALO boleh dikembangkan dengan cara permainan seni yang lembut apakah lagi dikembangkan dengan cara keras. Disinilah letaknya keberkesanan yang sudah diraih oleh para murid dimana mereka merasakan kepuasan didalam mempelajari SILAT SAPIK KALO padahal mereka belum lagi mengenali dan mempelajari

sistem tradisional dan bunga-bunga Silat Seni yang tersimpan didalam aliran SAPIK KALO.


Falsafah bapak didalam sistem pembelajaran moden adalah dari pergerakan keras kepada yang lembut berbeza dengan beberapa sistem pembelajaran tradisional yang pernah bapak lalui, m e n e k a n k a n pergerakan yang lembut dahulu kemudian kepada yang keras.

Sewaktu bapak mempelajari Silat dahulu bapak hanya diajarkan cara-cara yang lemah-lembut yang tidak masuk dalam akal bapak bahawa bapak boleh menguasai ilmu tempur dari guru bapak tersebut. Ini adalah kerana pelajarannya terlalu remeh temeh dan lemah-gemalai.

W a l a u p u n demikian bapak mempunyai prinsip didalam mempelajari ilmu pusaka peninggalan nenek moyang kita iaitu tabah, sabar, disiplin dan patuh kepada arahan-arahan guru sewaktu ia mengajar.

P e r m u l a n pelajaran Silat tradisional ini ber mula di atas rumah guru dengan cara sama-sama duduk bersila dan mula mempelajari cara memukul, menepis, mengelak, memerangkap serta menangkap anggota lawan dari posisi ini.

Dari sini kami akan beralih





pula kepada cara menggunakan kaki untuk menepis, m e n e n d a n g , memerangkap dan mengunci serangan lawan dari posisi duduk tadi. Latihan nya bermula dengan cara lembut, kemudian keras dan laju, kemudian lembut kembali dan begitu lah seterusnya se hingga guru merasa kan puas hati dengan tahap kemahiran yang dicapai.

Sistem pem belajaran ini umum nya tidak akan diajar secara terbuka walaupun didalam aliran SAPIK KALO, oleh kerana itu kebanyakan saudara-saudara sekalian mungkin tidak pernah menjumpai permainan seperti ini.

T a h u k a h saudara, setelah selesai bermain Silat diatas rumah, bapak ingat bapak akan mempelajari Silat di atas tanah yang terbuka. Rupa-rupanya sangkaan bapak meleset kerana bapak diperintahkan me neruskan pelajaran yang bermula diatas rumah dengan turun kebawah kolong rumah.

s a u d a r a pembaca yang budiman, dibawah kolong rumah tersebut, jika berdiri kepala akan terhantuk

maka bapak terpaksa berlatih didalam keadaan merendahkan badan ataupun istilah permainan 'setengah tiang'. Apabila kita terlupa sewaktu berlatih dan badan kita tegak lurus maka

bengkaklah kepala kita.

Cuba saudara bayangkan, berapa lamakah kita tahan diposisi ini sewaktu berlatih. Bapak terpaksa ber silat didalam keadaan ini berjam-jam lamanya. Didalam hal ini secara tidak langsung kita akan dilatih men disiplinkan diri untuk sabar dan tekun.

Didalam berlatih dibawah kolong rumah ini, bapak banyak mempelajari seni gerak silat yang lembut dan apabila guru bapak berasa yakin dan berpuas hati dengan permainan kami barulah dibenarkan mempelajari permainan silat di tempat yang lapang iaitu permainan silat yang sebenarnya.

Saudara pembaca yang budiman, jangan beranggapan kita tidak akan melalui rintangan-rintangan didalam peringkat ini kerana apabila sang guru percaya kepada kebolehan si murid dia akan diuji dimana guru mempersiap kan sebidang kecil tanah liat yang sudah ditaburi dengan minyak hitam. Ini di buat dengan tujuan agar si murid menguasai penggunaan kuda-kuda didalam situasi bagaimanapun jua.

Insyallah para pembaca yang kami hormati tentu dapat membayangkan maksud bersilat diatas tempat yang licin pada malam hari yang gelap gelita.


HIKMAT PERMAINAN SENI DAN BUNGA SILAT

Kebaikan dari mempelajari Silat yang lemah lembut ini adalah untuk melatih bahawa dalam silat tersebut ada unsur-unsur didikan agar keperibadian kita jauh dari sikap angkuh, sobong dan takbur.

Dari segi praktiknya pula bapak mendapati bahawa latihan yang pada mulanya disangkakan remeh dan tidak mempunyai manfaat rupa-rupanya mempunyai pelbagai rahsia.

Untuk pengetahuan saudara sebelum bapak mempelajari sistem silat yang lembut ini bapak telah mempelajari beberapa aliran yang mempunyai ciri-ciri permainan yang keras dan deras diantaranya hanya ber diri tegak menanti musuh tanpa kuda-kuda dan banyak mempergunakan teknik-teknik penghabis.

Tetapi didalam perguruan ini,



bapak telah disuruh oleh guru supaya jangan melakukan teknik-teknik seperti membunuh gerak supaya permainan yang dilakukan secara lembut dapat diperpanjangkan.


Melalui ini kita akan dapat merasai perubahan keseimbangan badan musuh melalui sentuhan, pendengaran dan juga melihat dan mengkaji poin-poin ataupun perkara-perkara yang halus yang tidak mungkin oleh kita andainya kita melaksanakan pertempuran dengan laju.



Dengan ini sedikit demi sedikit kita dapat memperhalusi permainan kita dan dapat mengolah dan mengkaji pergerakan dan pukulan silat yang baru yang mungkin tidak terfikir oleh kita andainya kita berlatih dengan laju. Diantara teknik-teknik yang bapak dapati dengan berlatih seperti ini adalah teknik-teknik memerangkap/memijak kaki musuh sewaktu pertempuran dan juga menjerat musuh melalui gerak musuh tersebut tadi supaya menggunakan kecepatan dan kekuatannya untuk memusnahkannya.



Ingatilah saudara bahawa ILMU SILAT ini bukanlah suatu yang kaku tetapi merupakan satu cabang ilmu yang



dinamis dimana jika saudara-saudara benar-benar mengenali ilmu persilatan yang sebenarnya saudara akan jatuh cinta dengannya dan kagum dengan

kepintaran nenek-moyang kita didalam mengolah sistem latihan yang begitu lengkap dan saintifik.

Jadi janganlah saudara-saudara meremehkan permainan seni silat yang lembut serta bunga-bunga silat kerana didalamnya terdapat isi yang terkandung didalam gerak silat samada yang disedari atau tidak.

InsyaaAllah pada bulan hadapan bapak akan membentangkan artikel keempat didalam siri ini yang akan membincangkan isi-isi yang terkandung didalam gerak silat, ada yang disedari dan ada yang tidak disedari.

Ini berhubung kait dengan apa yang diperbincangkan pada kali ini dimana bapak akan menonjolkan beberapa aplikasi permainan SILAT yang sebenarnya yang jarang diajar secara terbuka.

Bapak juga menyertakan beberapa keping gambar yang menunjukkan latihan asas yang bapak pelajari didalam bersilat didalam duduk bersila. Latihan ini pada peringkat seterusnya akan melibatkan lebih dari satu lawan semuanya didalam keadaan bersila yang akan diposisikan dibelakang, dan disamping kita. Mereka kesemuanya akan diberi senjata seperti pisau dan kita dikehendaki membuat pembalasan yang sesuai.

Jika saudara mempunyai apa-apa pertanyaan mengenai SAPIK KALO ataupun SEMINAR SAPIK KALO sila hubungi :-

No Telefon En MANSUR :
010-345211

No Telefon En AMIR :
03-2937633

